

**PARLIMEN: Malaysia Tidak Pernah Diisytihar Sebagai Negara Sekular - Mohamed Nazri
Bernama
22 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz menegaskan DI Dewan Rakyat bahawa Malaysia tidak pernah diputuskan atau diisytiharkan sebagai sebuah negara sekular.

Beliau berkata mengikut sejarah negara, Malaysia ditubuhkan berasaskan kerajaan Islam Kesultanan Melayu dan Raja-raja Melayu merupakan ketua agama Islam bagi negeri masing-masing.

Katanya, Fasal (1) Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan dengan jelas memperuntukkan bahawa Islam ialah agama bagi Persekutuan dan kedudukan ini diperkukuhkan dengan adanya peruntukan-peruntukan lain yang menjaminkannya.

"Saya tidak dapat sahkan kesahihah berkenaan kenyataan yang dibuat oleh ketiga-tiga Perdana Menteri yang lepas. Kalau saya menjawab pun, menjawab atas tanggapan sahaja bukan sesuatu fakta.

"Memang jelas bahawa Malaysia tidak pernah diputuskan atau diisytiharkan sebagai sebuah negara sekular. Ini kenyataan saya menjawab di Parlimen, bukan satu penipuan dan ini adalah berdasarkan fakta-fakta yang telah saya bentangkan," katanya ketika menjawab soalan tambahan John Fernandez (DAP-Seremban) di Dewan Rakyat Isnin.

Sementara itu, Mohamed Nazri ketika menjawab soalan asal John, berkata kedudukan Islam yang istimewa berbanding dengan agama-agama lain turut diiktiraf dalam kes-kes yang diputuskan di mahkamah tertinggi negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=703824>